

**PAMERAN INSTUN DI PERSIDANGAN PENTADBIRAN TANAH SEMPENA
SAMBUTAN HARI TANAH NEGARA TAHUN 2022**

1 Ogos - Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah diberi peluang bagi turut serta membuka pameran sepanjang Persidangan Pentadbiran Tanah sempena Hari Tanah Negara (HTN) ke-6 Tahun 2022. Pada masa yang sama, pihak urusetia persidangan turut mengadakan pertandingan *booth* terbaik. Alhamdulillah INSTUN telah dinobatkan Naib Johan. Terima kasih dan tahniah kepada pasukan pameran INSTUN. Sepanjang pameran dibuka, INSTUN mengambil peluang mengadakan kuiz kenali INSTUN. Pelbagai soalan telah diajukan kepada peserta persidangan bagi memeriahkan lagi *booth* INSTUN. Persidangan Pentadbiran Tanah ini telah diadakan di Dewan Damar Sari, Blok F8 Parcel F, Putrajaya.

Persidangan Pentadbiran Tanah ini merupakan anjuran Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) dan agenda tahunan JKPTG. Majlis Perasmian Pembukaan Persidangan telah disempurnakan oleh YB Datuk Ali Biju, Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli dengan membawa tema "Jajaran Pendigitalan Tanah Merentasi Sempadan".

















